

Pengekalan Budaya Melayu Dalam Masyarakat Melayu Kampung Padang Balang, Gombak

Cultural Preservation in The Malay Kampung Padang Balang, Gombak

Nur Qhairun Nabihah Hussin
¹Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹yuszaidy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini mengenai pengekalan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang, Gombak. Kampung Padang Balang bersempadanan dengan Kuala Lumpur yang merupakan pusat ekonomi, pentadbiran dan sosial. Masyarakat di kampung ini sering mengalami pelbagai cabaran dalam usaha untuk mengekalkan budaya mereka. Pemasalahan kajian ini mengenai bagaimana usaha pihak masyarakat di Kampung Padang Balang untuk mengekalkan budaya Melayu daripada pengaruh luar. Objektif kajian ini adalah menganalisis mengenai usaha-usaha masyarakat ini untuk mengekalkan budaya Melayu dalam kehidupan seharian. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini terdiri daripada dua kaedah iaitu kajian lapangan dan kajian keperpustakaan. Kajian lapangan dilakukan di Kampung Padang Balang dengan menggunakan teknik pemerhatian pasif, pemerhatian ikut serta dan temu bual. Kaedah temu bual menggunakan teknik temu bual separa struktur dan temu bual fokus berkumpulan terhadap penduduk kampung yang berautoriti untuk memperolehi data. Begitu juga, kajian ini turut disokong dengan data sekunder yang diperolehi melalui kajian keperpustakaan. Kajian ini menggunakan teknik analisis tematik dalam usaha menyaringkan dan memperolehi data yang diperlukan. Hasil dapatan baharu mendapati penduduk masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang dapat mempertahankan budaya Melayu yang mereka warisi walaupun berlaku perubahan masa, kemodenan dan teknologi di sekeliling. Oleh itu, hasil kajian jelas menunjukkan usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang dapat mempertahankan dan mengekalkan budaya Melayu dalam masyarakat mereka. Justeru itu, kajian ini telah memberi satu sumbangan yang amat bermakna kepada masyarakat dan komuniti dalam usaha masyarakat setempat untuk mengekalkan budaya yang mereka warisi dan amal serta penambahbaikan perkembangan kosa ilmu pengetahuan dalam bidang Pengajian Melayu amnya budaya Melayu.

Kata kunci: budaya; kejiranan; kemodenan; Melayu; pengekalan;

ABSTRACT

This paper about the preservation of Malay culture among the Malays in Kampung Padang Balang, Gombak. Kampung Padang Balang borders Kuala Lumpur which is an economic,

administrative and social center. The community in this village often faces various challenges in order to maintain their culture. The study of how the efforts of the community in Kampung Padang Balang to preserve Malay culture from outside influences. The objective of this study was to analyze the community's efforts to preserve the Malay culture in everyday life. The research methodology uses a qualitative approach. This study consists of two methods, namely field study and library study. Field study was conducted in Kampung Padang Balang by using passive observation techniques, participatory observation and interview. The interview method used semi-structured interview techniques and group focused interviews with authoritative villagers to obtain data. Similarly, this study is also supported by secondary data obtained through a library review. This study uses thematic analysis techniques in an effort to filter and obtain the required data. The new findings have found the population of the Malays in Kampung Padang Balang can defend Malay culture they inherited despite the changing times, modernity and technology around. Therefore, the results of the study clearly shows the efforts made by the Malays in Kampung Padang Balang can maintain and preserve the Malay culture in their communities. Therefore, this study has provided a meaningful contribution to society and the community in local community efforts to preserve the culture they inherited and charity as well as improvement of vocabulary development of science in the field of Malay studies in general culture.

Keywords: *culture; neighborhood; modernity; Malay; retention*

1. Pengenalan

Budaya Melayu adalah satu cara hidup seseorang manusia atau sekelompok manusia yang mempunyai nilai positif, beradab baik dan mempunyai hati kemanusiaan yang tinggi kedudukannya. Hal ini bermakna budaya Melayu tidak sesekali mengizinkan segala perlakuan buruk atau negatif digarap masuk dalam konteks kehidupan budaya Melayu (Hassan Ahmad, 2006:161). Ini dapat dilihat secara jelas akan pepatah dan peribahasa Melayu seperti '*orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*' atau '*seliang bagai tebu, serumpun bagai serai*' dan '*bersatu teguh bercerai roboh*'. Peribahasa Melayu ini cukup menggambarkan akan suasana dan situasi kehidupan sebenar masyarakat Melayu yang sangat suka akan keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia. Ia menolak segala kemungkinan perkara buruk atau nilai jahat dari dibawa masuk ke dalam budaya Melayu. Malah, budaya Melayu itu sendiri mempunyai nilai positif yang telah sedia ada sejak lahiriah lagi. Menurut Fairuzah Basri (2019) beliau menyifatkan bahawa budaya Melayu adalah berkaitan dengan keseluruhan cara hidup Melayu yang telah diwarisi dari generasi ke generasi sehingga membentuk masyarakat Melayu. Setiap kehidupan kaum sudah pastinya ada budaya yang tersendiri malah budaya kaum yang lain kelihatan sama dengan budaya Melayu. Walakin begitu, Melayu umumnya menjadi majoriti pegangan dan fahaman orang Islam. Maka perbezaan budaya Islam atau Melayu itu tidak sama caranya dengan kaum yang lain. Sebagai contoh, kaum India dan kaum Cina mereka mempunyai budaya zira-hamenziarahi. Namun perbezaan dengan budaya Melayu apabila adanya teras agama di dalam budaya Melayu misalnya tidak bersalam-salaman kepada yang bukan muhrim.

Segala hal yang berkaitan dengan aktiviti harian yang dilakukan masyarakat Melayu disifatkan sebagai budaya Melayu. Tanpa budaya Melayu keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tidak dapat dibangun dengan baik. Ini membawa maksud bahawa penerapan budaya Melayu dari generasi ke generasi akan terus berada dalam keadaan yang harmonisan dan sejahtera selagi budaya Melayu dipegang utuh. Kehidupan manusia terlihat sempurna sekiranya kesejahteraan hidup itu dapat dilengkapkan dengan begitu baik. Kesejahteraan

hidup dikaitkan dengan beberapa faktor seperti hal-hal berkaitan sesuatu tindakan, sikap atau kebahagiaan yang diperolehi oleh seseorang manusia. Contohnya, jika kehidupan manusia atau kelompok masyarakat itu tidak mempunyai kesejahteraan maka sudah pasti pembangunan sesebuah masyarakat Melayu akan goyah dengan mudah.

Selain itu, budaya Melayu ditakrifkan sebagai satu cara komunikasi yang berlaku antara satu pihak dengan pihak yang lain. Interaksi yang berlaku antara satu sama lain sekaligus menjalankan pergerakan budaya Melayu. Hasil budaya Melayu tercetus daripada aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah masyarakat di satu kawasan. Budaya Melayu kebiasaannya berlaku oleh kerana faktor dalaman masyarakat tersebut dan ia tidak dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh daripada luar (Haziyah Hussin, 2004: 22).

Seterusnya, Ng Yi Juan (1998) menakrifkan budaya sebagai salah satu daripada cara seseorang individu dalam kelompok masyarakat. Beberapa faktor tertentu yang dapat dilihat melalui kemunculan budaya dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Sebagai contoh norma, nilai, undang-undang, kepercayaan, adat mahupun peraturan. Budaya merupakan satu fokus elemen yang digunapakai oleh setiap kelompok masyarakat. Ini bermaksud cara pemikiran, cara tindakan atau peradaban yang berlaku. Perkara ini merincikan bahawa dengan kehadiran budaya dalam kelompok Melayu yang dirasai dan dialami bersama ia akan membentuk satu kumpulan masyarakat yang saling menjaga atau melestarikan budaya Melayu yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Budaya turut didefinisikan sebagai satu elemen yang dikayakan serta dihiasi dengan adat istiadat dan tradisi (Evawarni, 2012). Kedua-dua perkara ini pastinya berlaku dalam kehidupan sekelompok masyarakat. Kehadiran adat dan tradisi yang diamalkan atau dilakukan dalam kehidupan masyarakat mahupun individu kemudian diwariskan dari generasi ke generasi digelar sebagai budaya Melayu. Tambahan pula, budaya dijadikan sebagai pengukur dalam segala tindak tanduk manusia. Contohnya, budaya gotong royong. Aktiviti gotong-royong yang dilakukan dalam kelompok masyarakat dari dahulu hingga kini masih kekal digarap.

Tidak semua tempat atau kawasan yang masih mengekalkan budaya Melayu dalam kehidupan mereka. Ini kerana perubahan zaman membawa manusia ke arus kemodenan. Perubahan ini sekaligus melenyapkan elemen budaya Melayu dalam jati diri kelompok masyarakat. Namun hal ini berbeza dengan Kampung Padang Balangyang terletak di kawasan Gombak. Kendatipun kampung ini dibawah pengelolaan Wilayah Persektuan Kuala Lumpur, namun warisan dan budaya masyarakat di kampung ini masih dikekalkan dari dulu hingga kini. Buktinya, laluan utama untuk memasuki kampung ini terbentang satu kain yang ditulis 'Kampung Warisan Melayu'. Tanda itu menampakkan lagi akan semangat yang ada dalam diri masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang dalam memelihara budaya dan warisan turun temurun. Contohnya, budaya yang masih dikekalkan hingga kini adalah seperti budaya bergotong-royong. Kampung Padang Balang pernah melakukan aktiviti gotong-royong mencegah denggi bagi sambutan Hari Wilayah.

Ringkasnya, budaya Melayu yang digarap masuk oleh masyarakat terdahulu mendatangkan faedah dan kebaikan bukan sahaja buat seseorang individu, namun ia membawa kebaikan kepada kehidupan masyarakat. Adat dan tradisi ini turut berpandukan kepada pembawaan ajaran agama Islam yang menuntun manusia dalam melakukan segala perkara yang baik dan menjauhkan perkara yang mendatangkan kemudaratan.

2. Sorotan Literatur

Penyelidikan yang dihasilkan oleh Siti Aminah binti Mohd Sam dan Seow Ta Wee dalam kajiannya pada tahun 2013 yang bertajuk *Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli*. Dalam penulisan ini mereka banyak menyentuh tentang aspek keharmonian

komuniti masyarakat Orang Asli. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa komuniti Orang Asli dapat menjaga dan memelihara kelestarian budaya mereka dari tidak terhakis atau pupus. Kajian ini adalah sedikit berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, penyelidikan yang dihasilkan oleh Rosniza Aznie CR, Nor Amirah M., Rosmiza MZ, Novel L dalam jurnalnya pada tahun 2016. Kumpulan ini melakukan kajian yang bertajuk *Pengurusan Kampung Tradisional di Kampung Morten, Melaka*. Dalam penulisan ini, mereka banyak menyentuh tentang pengurusan kampung di Morten, Melaka. Maka dengan itu, objektif bagi kajian ini adalah untuk melihat pengurusan kampung tradisional yang dijalankan di Morten, Melaka. Kajian ini difokuskan keatas penduduk atau pemilik rumah di kawasan tersebut. Kaedah metodologi kajian ini adalah dengan mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan segala maklumat dan data-data bagi mengumpul dan menganalisis informasi dengan tepat.

Seterusnya, kajian lain yang dibuat oleh Shaliza Dasuki yang bertajuk *Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu*. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2015. Melalui penulisannya ini dapat dikenal pasti bahawa beliau menekankan dan menyingkap aspek perubahan serta melihat perkembangan masyarakat Melayu dalam penerimaan budaya yang kian berubah mengikut zaman ke zaman. Hasil dapatan daripada kajian ini dapat dilihat bahawa walau bagaimanapun budaya itu dikekalkan namun masyarakat Melayu akan turut berubah mengikut arus kemodenan. Kajian lepas yang keempat pula ialah kajian yang dihasilkan oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff pada tahun 2018 yang bertajuk *PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN WARISAN DAN AGENSI PELAKSANAAN DI MALAYSIA*. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengukur undang-undang serta agensi warisan dapat memelihara warisan budaya di Malaysia. Kajian ini lebih memfokuskan kepada kaedah kualitatif dengan cara menemu bual pihak yang terlibat kemudiannya maklumat tersebut disaring menjadi kandungan kajian. Hasil dapatan kajian adalah sekiranya warisan budaya Melayu dijaga dengan cara yang betul maka warisan itu dapat dipelihara dan dijaga dengan baik.

Kajian lepas yang kelima pula ialah kajian daripada Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman, Farah Hanini Abdul Rahman dan Rosnah Mustafa. Mereka melakukan kajian yang bertajuk *Kelestarian Budaya Rakyat Melayu Sarawak Dalam Era Globalisasi*. Tumpuan kajian ini adalah bagi melihat kewujudan nilai budaya yang terdapat dalam masyarakat Melayu Sarawak tumpuan kajian di Kampung Bangka Semong. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui kajian lapangan yang melibatkan proses temu bual, rakaman serta catatan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa budaya di Sarawak khususnya di kampung kajian ada yang masih mengekalkan budaya tertentu dan ada yang masih tidak mengekalkan ia. Ini kerana peningkatan arus kemodenan serta faktor pegangan agama Islam yang makin kukuh dalam kalangan masyarakat di kawasan kajian.

3. Metodologi Penyelidikan

Setiap kajian memerlukan proses metodologi kajian iaitu proses dalam mengumpul segala data yang diperolehi. Ia juga bagi memastikan proses pengumpulan data berjalan dengan baik yang akhirnya sebagai penentu kepada sesuatu objektif kajian itu dapat diselesaikan dengan bagus meskipun sebaliknya. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dalam melengkapkan informasi pengkaji. Secara amnya, kajian ini akan menggunakan dua metod utama iaitu metode kajian lapangan dan metod keperpustakaan. Kaedah keperpustakaan dilakukan bagi mengumpul segala maklumat awal dan informasi yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Masa yang diambil bagi mengumpul segala maklumat adalah selama 3 minggu.

Maklumat tersebut diambil daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) serta laman sesawang. Peringkat yang berikutnya, pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan yang dilakukan di kawasan kajian iaitu Kampung Padang Balang, Gombak. Pengkaji melakukan kaedah pemerhatian serta kaedah temubual informan yang berautoriti dan yang terlibat. Pemerhatian serta temubual informan dilakukan selama 1 bulan. Seterusnya, hasil dapatan kajian dikumpul serta dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan betul.

Alat bantuan seperti rakaman secara *google meet*, *zoom* dan *whatsapp* digunakan pakai oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian yang dilakukan.

3.1 Kajian Lapangan

Kajian lapangan dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan pengekal budaya Melayu di Kampung Padang Balang, Gombak. Kajian lapangan diertikan sebagai satu kajian yang dibuat oleh seseorang individu di luar kawasan kepompongnya seperti di luar rumah, di luar pejabat, di luar bilik, di luar kampus mahupun di luar negeri. Dengan adanya kajian lapangan ini membantu pengkaji dengan lebih baik bagi mendapatkan maklumat serta informasi yang lebih kukuh. Kajian ini merujuk kepada penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji melalui cara bertanyakan soalan berkaitan kajian yang dilakukan secara umum atau khusus dan kajian ini dilakukan secara atas talian. Kajian kualitatif ini berbentuk kajian yang mengumpulkan data-data responden yang terpilih seperti ketua kampung, pengerusi masjid, ahli jawatankuasa masjid dan beberapa masyarakat lama yang telah menetap di kampung ini. Kajian yang dilakukan dalam penyelidikan adalah menggunakan cara temubual secara atas talian, informan, rakaman dan pemerhatian yang dijalankan. Sepanjang proses penyelidikan ini berlaku, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual bersama orang-orang yang berpengalaman dalam menguruskan Kampung Padang Balang atau yang mempunyai autoriti secara atas talian seperti *google meet*, *zoom* dan *whatsapp video call*.

Pengkaji telah memilih 5 orang yang berautoriti bagi melengkapkan kajian ini. Antara pihak autoriti yang terlibat dalam proses temubual adalah Pengerusi Kampung iaitu Tuan Haji Rosden Yassin, Pengerusi Masjid iaitu Tuan Haji Mohd Zaid bin Hj. Zainal Abidin, Timbalan Pengerusi Masjid iaitu Muhammad Nazri bin Musa, orang lama Kampung Padang Balang iaitu Hussin bin Ismail dan Azmi. Sepanjang proses temubual berlangsung, pengkaji telah menanyakan beberapa soalan kepada pihak informan berkaitan pengekal budaya Melayu dalam kalangan masyarakat di Kampung Padang Balang, Gombak. Setiap persoalan dijawab dengan jawapan yang diinginkan oleh pengkaji. Tempoh sesi temubual itu berjalan anggaran selama 1 jam. Kemudian, pihak informan menjawab setiap persoalan yang diajukan oleh pengkaji. Pengkaji telah merakam segala perbualan bersama pihak informan menggunakan telefon bimbit serta mencatat setiap informasi yang diberikan. Bagi informan penduduk lama Kampung Padang Balang iaitu Hussin bin Ismail dan Azmi pengkaji telah bertemu secara bersemuka. Manakala bagi pengerusi kampung, pengerusi masjid dan timbalan pengerusi pengkaji menemu bual secara atas talian.

3.2 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah satu kajian yang utama kerana ia merupakan antara salah satu proses yang melibatkan satu usaha bagi mencari dan mengumpul segala data-data, fakta serta bukti yang berkaitan dengan pelbagai persoalan kajian melalui rujukan ke atas bahan-bahan dan maklumat yang dicari. Sebagai contoh, penemuan informasi itu datang daripada buku-buku, jurnal, kertas kerja, buku, kamus dan sebagainya. Dengan melalui proses pencarian ini, ia amat membantu pengkaji dalam mendapatkan kesahihan maklumat sekaligus memenuhi

objektif kajian yang telah digariskan. Kaedah keperpustakaan ini menguatkan lagi segala fakta mahupun butiran-butiran yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Selain itu, kaedah keperpustakaan turut digunapakai oleh pengkaji dalam melakukan kajian. Dalam proses keperpustakaan ini pengkaji telah mengumpul segala data-data yang diperolehi, mencari fakta, data dan bukti yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan melalui kaedah merujuk bahan-bahan dan maklumat seperti jurnal, kertas kerja, buku, kamus dan sebagainya.

4. Perbincangan dan Hasil Dapatan

4.1 *Latar Belakang Kampung Padang Balang, Gombak*

Kampung Padang Balang adalah sebuah kampung yang terpencil. Kampung ini terletak di antara pembangunan kepesatan kota raya di sekelilingnya. Malah ia bukanlah sebuah kampung yang terkenal atau gah seperti kampung-kampung yang lain. Namun kehadirannya sebagai sebuah kampung yang masih mengekalkan tradisi dan warisan Melayu boleh dijadikan sebagai model pengekalan budaya yang tinggi sekaligus dijadikan sebagai contoh. Pengekalan warisan antara asbab kekuatan kampung kecil ini masih bertahan sehingga kini. Budaya yang masih diamalkan di Kampung Padang Balang bukan sahaja digerakkan oleh kaum tua semata-mata namun ia juga turut dibantu bersama-sama golongan belia. Hal ini mengukuhkan lagi kerjasama antara sesama masyarakat dalam kampung tersebut bagi mengekalkan lagi budaya Melayu. Kampung Padang Balang telah diterokai pada tahun 1848. Kampung ini dibuka lebih dahulu dari Kuala Lumpur. Kampung warisan ini mula dibuka oleh etnik kaum Minangkabau yang berasal dari Batang Kapas, Tolu, Pasar Ruan dan Kuantan. Suku kaum Minangkabau mempunyai satu sifat di mana mereka akan membuka dan meneroka kawasan-kawasan hulu di kampung. Oleh kerana itu, kawasan Kampung Padang Balang ketika dahulu terletak jauh dari kawasan pembangunan dibangunkan oleh kelompok Kaum Minangkabau. Bangunan pertama yang dibangunkan di kawasan Kampung Padang Balang adalah Masjid Jamek Lama. Masjid tersebut dibina menggunakan bahan-bahan lama seperti atap rumbia dan sebagainya. Tambahan pula, Masjid Jamek Lama itu masih kekal dan wujud sehingga kini. Akan tetapi bentuk dan bahan pembinaannya telah berubah kecuali tiang seri masjid yang masih kekal.

Selain dikatakan sebagai sebuah kampung yang masih mengamalkan tradisi Melayu, Kampung Padang Balang juga merupakan sebuah kampung yang dikatakan sebagai tanah rizab Melayu. Hal ini dikatakan kerana 99.9% daripada tanah yang ada di dalam kampung tersebut merupakan tanah pertanian yang dimiliki oleh pemilik-pemilik tanah. Sehingga kini ada pemilik tanah di Kampung Padang Balang yang masih memegang geran tanah merah. Tanah-tanah tersebut merupakan kepunyaan masyarakat dahulu yang dikatakan meneroka kampung tersebut dan kemudiannya tanah itu diwariskan dari generasi ke generasi. Tanah yang mereka miliki itu dijadikan sebagai tanah tanaman yang dikerjakan oleh pemilik-pemilik tanah di kampung. Antara tanaman yang diusahakan ialah jagung, cili, sayur-sayuran, durian dan sebagainya. Pada tahun 1848, Kampung Padang Balang mempunyai dua kawasan tanah pertanian iaitu kawasan sawah padi dan kawasan kebun getah.

Sehingga kini, penduduk Kampung Padang Balang masih menjalankan segala aktiviti pertanian. Mereka bercucuk tanam di atas tanah yang mereka miliki. Kendatipun Kampung Padang Balang dikelilingi oleh bangunan-bangunan yang tinggi, namun ia dikayakan dengan alam semula jadi yang penuh dengan kehijauan. Bukan itu sahaja, ada juga penduduk di kawasan kampung tersebut menjadikan tanah mereka sebagai kawasan membela kuda. Disebabkan hal itu, kampung terpencil ini pernah mencetuskan fenomena di pandangan mata masyarakat luar kampung berkaitan aktiviti-aktiviti berkuda yang dijalankan.

4.2 *Versi Penubuhan Kampung Padang Balang*

Setiap kawasan yang dibuka pasti mempunyai sejarah dan kisahnya yang tersendiri. Begitu juga dengan kehadiran Kampung Padang Balang yang terletak di kawasan Gombak, Kuala Lumpur. Sejarah penubuhannya mempunyai kepelbagaian cerita di sebalik pembukaan. Kewujudan kampung warisan Melayu ini mempunyai pelbagai versi yang berbeza mengikut cerita dari generasi terdahulu sehingga generasi kini. Namun dikatakan bahawa hanya satu versi yang kukuh. Bagi versi yang pertama, Kampung Padang Balang diceritakan telah diterokai oleh sekumpulan keturunan yang datang dari Minangkabau seperti Batang Kapas dan Kuantan Sumatera Barat. Peneroka-peneroka yang hebat itu dianggotai oleh Tok Balang, Tok Sati, Tok Samang dan Tok Jahan. Keempat-empat individu ini yang dikatakan telah menerokai serta membuka Kampung Padang Balang sehingga menjadi satu perkampungan tradisi Melayu hingga kini. Sifat mereka dijadikan sebagai satu contoh ketokohan yang tinggi. Oleh kerana keperibadian dan semangat kemasyarakatan yang ada pada diri mereka menjadikan mereka sebagai satu tauladan dan dianggap sebagai ketua dalam kelompok masyarakat ketika itu.

Kampung Padang Balang adalah kampung yang cukup kaya dengan kawasan pertanian satu masa dahulu. Kehijauan sawah bendang mencantikkan lagi kawasan kampung. Tambahan pula dengan kewujudan kebun getah memeriahkan lagi kawasan Kampung Padang Balang. Salasilah nama Kampung Padang Balang diambil daripada sawah padi yang sudah tua dan apabila daunnya ditiup angin maka daun itu akan berbelang-belang. Nama balang itu tercetus oleh kerana Kampung Padang Balang dahulu kala didiami oleh masyarakat orang Minang. Maka mereka menyebut belang kepada balang. Dari istilah sebutan itu atau kata erti lain loghat yang digunapakai oleh orang Minang digunakan sehingga kini.

Selain itu, muncul versi yang berbeza yang disampaikan dari individu ke individu berkaitan asal usul nama Kampung Padang Balang. Dikatakan nama kampung ini muncul hasil daripada padang bola sepak yang terletak di kawasan Kampung Padang Balang Hilir yang masih kekal hingga ke hari ini. Oleh kerana kawasan padang itu telah ditumbuhi oleh lalang yang mana daunnya berbelang-belang maka dengan itu nama Kampung Padang Balang mula dilakarkan. Pada asalnya, kampung tradisi ini diberi nama sebagai Kampung Padang Lalang Daun Berbelang namun oleh kerana nama itu terlalu panjang untuk disebut maka ia dipendekkan menjadi sebagai Kampung Padang Balang. Pelbagai versi latar belakangnya yang berbeza-beza. Namun menjadi kesahihan latar belakang Kampung Padang Balang adalah daripada nama ketua kampung dan juga kawasan Kampung Padang Balang yang terdahulu cukup terkenal dengan kawasan sawah bendang. Walakin begitu, ada yang berpendapat bahawa nama Kampung Padang Balang ini telah dicantumkan daripada nama ketua kampung terdahulu iaitu Tok Balang dan kawasan lalang di kampung ini. Maka hasil daripada percantuman kedua-dua versi menghasilkan satu nama unik iaitu Kampung Padang Balang.

Keseluruhan daripada versi yang pelbagai, hanya versi di mana nama Kampung Padang Balang mula terlakar di atas faktor daun sawah padi yang berbelang-belang. Hasil daripada ketelitian yang dilakukan, versi ini adalah versi yang kukuh.

4.3 *Lokasi Kampung*

Kajian ini dijalankan di sebuah kampung yang dikendalikan oleh masyarakat Minang pada awalnya iaitu Kampung Padang Balang. Kampung Padang Balang terletak di sekitar kawasan Gombak di bawah negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KL). Kampung ini berada di bawah metropolis Lembah Klang. Poskod bagi Kampung Padang Balang Gombak adalah 51100, Kuala Lumpur.

Kampung Padang Balang terletak berhampiran dengan Jalan Kampung Bandar Dalam, Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Jalan Gombak Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) dan Sungai Gombak. Selain itu, Kampung Padang Balang pada awalnya melibatkan kawasan-kawasan yang masih kekal hingga kini seperti Kampung Kerdas, Kampung Sungai Mulia, Kampung Changkat, Kampung Lembah Melewar, Taman Melewar, Greenwood, Kampung Chubadak, Kampung Lee Chong Kian, Taman Pelangi, Kampung Batu Muda dan Kampung Bandar Dalam.

Seterusnya, kampung tradisi Melayu ini tidak mempunyai pintu gerbang seperti kampung-kampung yang lain. Pintu masuk atau laluan masuk utama bagi Kampung Padang Balang adalah di kawasan Sungai Gombak. Laluan masuk kampung ini boleh dikatakan agak sedikit sempit dan kecil. Namun, mereka yang memasuki Kampung Padang Balang tidak semestinya lalu di kawasan sungai tersebut. Banyak laluan masuk yang lain yang boleh menembusi Kampung Padang Balang. Contohnya, mereka boleh melalui Taman Pelangi, Taman Selasih, Greenwood, Taman Melewar dan Kampung Changkat.

Setelah banyak perkampungan dan kawasan-kawasan yang telah terbangun, maka kawasan-kawasan ini mula memisahkan sempadan demi menjaga keselamatan serta menguruskan pentadbiran mereka tersendiri tanpa campur tangan daripada pihak yang lain. Hal ini sekaligus mengelakkan daripada berlakunya pergaduhan.

4.4 Penggerak Kampung Padang Balang, Gombak

4.4.1 Carta Organisasi Kampung

Organisasi diertikan sebagai satu aktiviti yang dijalankan dan yang digerakkan oleh tenaga manusia. Organisasi mempunyai pembahagian kerja mengikut kesesuaian pekerja-pekerja. Sesebuah fasiliti yang mempunyai beberapa bilangan kumpulan pekerja kemudian memainkan peranan dalam melakukan atau menggerakkan segala proses yang berlaku dalam fasiliti turut didefinisikan sebagai organisasi (Tun Haryati binti Jasimin, Abd Hakim bin Mohammed). Setiap penubuhan yang melibatkan tenaga kerja manusia diertikan sebagai sebuah organisasi. Ringkasnya, tanpa penubuhan sesebuah organisasi maka pentadbiran atau gerak kerja dalam institusi itu tidak dapat dijalankan dengan sistematik.

Kampung Padang Balang mempunyai dua organisasi yang utama. Pertama organisasi Kampung Padang Balang dan kedua organisasi Masjid Saidina Ali. Ini kerana, Masjid Saidina Ali menjadi 'ketua' atau 'kepala' dalam segala hal perihal kampung. Masjid ini yang menjadi pusat tumpuan atau pengumpulan masyarakat ketika bermusyawarah. Sekiranya terdeteksi pelbagai isu atau permasalahan, masyarakat akan saling berbincang sesama mereka dalam Masjid Saidina Ali. Bukan sekadar perbincangan yang dilakukan, namun segala hal perihal aktiviti atau program kemasyarakatan, masjid ini yang akan menggerakkan program-program tersebut. Segala isu yang timbul pasti akan dibincangkan bersama-sama dengan cara kehadiran masyarakat kampung ke masjid. Sebagai contoh dari segisosial, hiburan, sukan khususnya hal keagamaan.

Organisasi Kampung Padang Balang cukup dijaga dengan baik. Perlantikan setiap ahli jawatankuasa dan majlis tertinggi pihak autoriti kampung ini dilantik sebulat suara dan kesepakatan sesama masyarakat.

4.5 Persatuan Warisan Melayu Kampung Padang Balang

Kebagusan Kampung Padang Balang tidak hanya ditangani oleh bahagian majlis tertinggi semata-mata, namun kampung ini mempunyai ahli persatuan mereka tersendiri atau

dikatakan sebagai ahli penggerak yang membantu menyemarakkan lagi warisan atau budaya Kampung Padang Balang. Persatuan-persatuan inilah yang menambah baik segala aktiviti yang ada di Kampung Padang Balang. Mereka saling bersatu hati dalam menjaga budaya Melayu di kampung tersebut sekaligus memartabatkan warisan kampung.

Antara persatuan yang bergerak aktif di Kampung Padang Balang adalah seperti Persatuan Silat Gayung Tok Jenai. Silat Gayung Tok Jenai di Kampung Padang Balang cukup terkenal. Rumah kepada tuan guru silat gayung ini masih kekal dan wujud sehingga kini. Tenaga pengajar bagi Silat Gayung Tok Jenai di Kampung Padang Balang ialah Cikgu Abdul Raid bin Abdul Rahman. Jawatankuasa Kecil Remaja dan belia adalah terdiri daripada golongan belia. Mereka menggerakkan persatuan tersebut dengan mengadakan acara aktiviti seperti contoh silat gayung di panggung. Peserta-peserta yang menyertai Silat Gayung Tok Jenai majoritinya daripada golongan belia. Secara umumnya, golongan belia beraktiviti sesama mereka dengan cara riadah yang dilakukan bersama. Misalnya bermain bola sepak. Kita sedia maklum bahawa sekiranya kelompok lelaki bersama-sama dalam beraktiviti, maka hubungan sosial itu tanpa sengaja dapat dieratkan dengan baik. Maka, hal itu digarapkan dalam jati diri golongan belia khususnya masyarakat kampung. Hal ini sekaligus menarik para belia atau masyarakat khususnya di Kampung Padang Balang untuk menghadirkan diri atau memeriahkan lagi Masjid Saidina Ali Kg Padang Balang.

Kemudian bagi tujuan hal perkahwinan pula Persatuan Walimatulurus memainkan peranannya. Sekiranya sebarang perkahwinan yang diadakan, maka persatuan ini akan menyumbang kudrat dan tenaga mereka. Selain itu, kumpulan marhaban. Bagi program khatam al-quran atau cukur rambut, kumpulan marhaban berperanan dalam membantu. Kampung Padang Balang mempunyai ahli kompiang. Ahli kompiang ini yang akan berperanan dalam setiap majlis yang dilakukan contohnya majlis perkahwinan.

Seterusnya, bagi urusan kebajikan dan kesejahteraan pula Kampung Padang Balang mempunyai Persatuan Khairat Kematian Masyarakat Kampung. Persatuan ini menguruskan segala hal perihal apabila berlakunya kematian masyarakat dalam kampung. Kemudian, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) iaitu yang menguruskan hal ehwal yang berkaitan kesejahteraan dan keselamatan kampung. Majlis Perwakilan Penduduk yang akan mengetuainya. Contohnya apabila situasi yang berlaku saat kampung ini hampir dirobuhkan. Maka MPP menjadi wakil suara masyarakat dengan menyuarakan pendapat dan bantahan terhadap Dewan Parlimen. Akhir sekali, Barisan Bertindak Kampung Padang Balang, Gombak. Barisan Bertindak Kampung yang menjadi ketua hadapan sewaktu isu runtuh Kampung. Barisan Bertindak yang dianggotai oleh salah seorang ahli jawatankuasa masjid iaitu Ustaz Nazri dan Haji Rosden Yassin. Kampung Padang Balang turut mempunyai Pertubuhan Muafakat Perpaduan Kuala Lumpur atau singkatannya dipanggil sebagai PADU. PADU telah rasmi didaftarkan pada 2018. Pengerusi PADU diketuai oleh Ishak Surin dan timbalannya ialah Tuan Haji Rosden Yassin. Selain itu, persatuan lain yang ada di Kampung Padang Balang ialah Persatuan Anak Gombak (PERAGA) dan Persatuan Anak Melayu Selangor Wilayah Persekutuan.

4.6 Isu Pembuatan Jajaran LRT Dalam Kampung

Kesatuan antara penduduk ini juga dapat dibuktikan apabila pada tahun 2008 pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dikatakan mahu membina jajaran LRT dalam kawasan Kampung Padang Balang. Pihak DBKL cubaewartakan KLCP 2020 dan berkeinginan dalam membangunkan kampung yakni Kampung Padang Balang. Mereka merancang membina infrastruktur di kampung yang cukup drastik. Penempatan rancangan jajaran LRT adalah di kawasan Tahfiz Darul Furqan. Namun, hal tersebut telah mencetuskan kemarahan dan kebangkitan penduduk. Penduduk tidak bersetuju dan menyuarakan bantahan mereka.

Namun, Kampung Padang Balang mempunyai Persatuan Barisan Bertindak yang mewakili masyarakat kampung ketika itu dalam membantah perancangan pihak DBKL untuk menjalankan projek jajaran LRT di dalam kawasan Kampung Padang Balang. Isu ini telah menimbulkan kegusaran terhadap penduduk-penduduk khususnya pemilik tanah yang sedia ada atau pemegang geran tanah merah. Sekiranya perancangan melakukan jajaran LRT terus dilakukan, maka sudah pasti tanah milik mereka akan diambil dan hilang.

Ahli Barisan Bertindak yang diketuai oleh Almarhum Ustaz Zainal Abidin dan dianggotai oleh Haji Rosden Yassin dan penasihatnya iaitu anak kepada Almarhum Ustaz Zainal Abidin iaitu Ustaz Zaid. Mereka merupakan antara ahli jawatankuasa yang mengetuai Barisan Bertindak bagi melawan pihak atasan. Pelbagai bantahan dilakukan dan perbincangan diadakan sesama mereka. Isu ini telah dinaikkan ke Dewan Parlimen dan sampai pada pengetahuan yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan. Akhirnya, hasil usaha mereka telah berjaya apabila pihak atasan itu membatalkan perancangan tersebut dan meneruskan kampung itu sebagai kampung warisan dari generasi ke generasi. Namun demikian, walaupun penduduk di Kampung Padang Balang mengalami kegusaran dalam menghadapi isu ini, mereka tetap bersama-sama bersatu hati berbincang antara satu sama lain dan menyelesaikan masalah tersebut dengan bijak dan saksama.

5. Kesimpulan

Berdasarkan teknik pengumpulan data dan pembahasan dapat disimpulkan bahawa Kampung Padang Balang Gombak adalah sebuah kampung yang mengekalkan warisan dan budaya Melayu di Kuala Lumpur. Dengan memegang prinsip tanah warisan melalui pengendalian tanah-tanah, kelestarian budaya dilihat sebagai satu aura yang memberi kekuatan untuk membina dan melahirkan masyarakat yang benar-benar menghayati acuan yang diinginkan. Kejayaan kampung tidak dinilai hanya daripada pencapaian atau penobatan anugerah semata-mata, malah jati diri dan kesepakatan masyarakat merupakan asas kepada matlamat hidup kelestarian budaya dalam Kampung Padang Balang Gombak. Kelestarian yang dikekalkan dan warisan yang dialami itulah yang menjadi satu kelebihan yang dapat dilihat di Kampung Padang Balang Gombak yang tiada pada kampung lain. Ini dapat dilihat melalui hasil daripada budaya ketika dahulu yang masih diamalkan oleh masyarakat kini kendatipun perbezaan zaman telah berlalu. Budaya yang diwariskan dari generasi terdahulu disampaikan kepada generasi kini masih segar dilakukan tanpa adanya perubahan total.

Di samping itu, ahli-ahli jawatankuasa kampung dan Masjid Saidina Ali turut memainkan peranan mereka dalam memartabatkan lagi budaya dan warisan kampung. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh mereka dalam memelihara dan memulihara Kampung Padang Balang Gombak daripada dipupuskan. Segala cara dan tindakan yang mereka lakukan dalam mengekalkan kampung ini menjadi kampung tradisional warisan Melayu. Selain itu, persatuan-persatuan yang ada di Kampung Padang Balang menguatkan lagi pemeliharaan warisan Melayu kemudiannya menggerakkan aktiviti-aktiviti sosial, sukan, hiburan mahupun keagamaan. Perkara ini bukan hanya dijalankan dengan bersahaja, namun selain mengeratkan hubungan silaturrahim sesama penduduk malah ia juga dapat menjamin kesejahteraan sekaligus melestarikan budaya warisan Melayu di Kampung Padang Balang Gombak.

Rujukan

Haziyah Hussin. (2004). *Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya Dan Perspektif Sejarah Lampau*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- <http://nrnk.yolasite.com/resources/UNIT%208-Konsepdan teorikebudayaan..pdf> (Diambil pada 3 Jun 2021)
- <http://pengenalankebudayaandankesusasteraan.blogspot.com/2018/11/budaya-masyarakat-melayu.html>(Diambil pada 4 Jun 2021).
- <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28661> (Diambil pada 5 Jun 2021).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Universiti Teknologi Malaysia. (METOD)
- Ng Yi Jiu. (1998). Pemaparan Budaya Popular Di Malaysia: Satu Kajian Kes Ke Atas Laporan Konsert Kru Dan Michael Jackson Dalam Berita Harian.
- Shaliza Dasuki. (2015). *Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu*. Langkawi, Kedah.
- Tuti Haryati Binti Jasimin, Abd Hakim Bin Mohammed. (tt). *Struktur Strategi Dan Prestasi Pengurusan Fasiliti*. Jabatan Pengurusan Harta Tanah Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi Universiti Teknologi Malaysia 81300 Skudai, Johor.